

Maqasid Shariah dan Siyasaah Shar'iyyah

Bilik Sarana 4, ILD-UiTM

Bandar Enstek

10 Oktober 2018

8.30 pg – 10.30 pg

Kursus Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Organisasi

Pembentang

Abdullaah Jalil

Pensyarah Kanan

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Email: abdullaah@usim.edu.my /
abdullaah.usim@gmail.com

FB: Abdullaah Jalil

FB Page: Penuntut Ilmu & Masjid Hati Ummah

Laman Sesawang: www.penuntutilmu.com

PELANTIKAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI KURSUS APLIKASI MAQASI SYARIAH DALAM ORGANISASI ANJURAN INSTITUT KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN (ILD) – USTAZ ABDULLAAH JALIL

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) akan menganjurkan kursus tersebut pada 09 -10 Oktober 2018.
3. Sehubungan itu, pihak kami ingin melantik pegawai tuan sebagai penceramah bagi kursus berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

TAJUK KURSUS	TARIKH	MASA	TEMPAT
KURSUS APLIKASI MAQASI SYARIAH DALAM ORGANISASI	09/10/2018	02.30 PTG – 04.30 PTG	BILIK SARANA 4, ILD BANDAR ENSTEK
	10/10/2018	08.30 PG – 10.30 PG	

- i. Peserta kursus : Terbuka kepada semua staf UiTM**
ii. Bilangan peserta : 50 orang

Kerangka Pembentangan

Hubungan Maqasid
Shariah dan
Siyasah Shar'iyah

Definisi Siyasah
Shar'iyah

Ciri-ciri Shariat
Islam dan
Kaitannya dengan
Siyasah Shariah

5 Komponen Asas
Siyasah Shariah

Komponen
Tambahhan Siyasah
Shariah

Sumber
Penshariatan
Siyasah Shariah

Dua Kaedah Fiqh
Yang Menjadi Asas
Bagi Siyasah
Shariah

Ruang Lingkup
Siyasah Shariah

Pembahagian
Siyasah Shariah

Prinsip-prinsip
Asas Siyasah
Shariah

Contoh-contoh
Siyasah Shariah
Klasik

Contoh-contoh
Siyasah Shariah
Kini

Perbincangan

Maqasid Shariah dan Siyasaah Shariah



MAQASID SHARIAH	
Maslahah	Daruriyyat Hajiyyat Tahsiniyyat
Kulliyat Khamsah [5 Asas Kehidupan Manusia]	Agama Nyawa Akal Nasab Harta

- Hubungan di antara Maqasid Shariah dengan Siyasa Shar'iyah adalah hubungan di antara Tujuan dan Alat.
- Siyasa Shar'iyah adalah alat atau jalan ke arah mencapai Maqasid Shariah bagi para pemimpin dan pentadbir.

- Islam memberikan ruang yang luas kepada para pemerintah bagi pelaksanaan kerana tanggungjawab mereka yang luas.
- Sebahagian ulama' membahagikan Sunnah Rasulullah SAW kepada yang berasaskan Wahyu dan yang berasaskan Imamah. [Dalil: Ta'bir al-Nakhl; Perang Badar]

Definisi Siyasa Shar'iyah

Bahasa

- 1:

Perbuatan penternak ke atas binatang ternakan.

- 2: الْقِيَامُ عَلَى الشَّيْءِ بِمَا يُصْلِحُهُ.

Melakukan sesuatu yang baik bagi sesuatu perkara.

Ia merujuk kepada pentadbiran, pembaikan dan pendidikan yang baik.

Istilah

- Makna umum:

Mentadbir urusan manusia dan hal ehwal dunia mereka dengan Shariat agama. (Khilafah)

- Makna khusus:

Apa yang dilihat dan diputuskan oleh pemerintah daripada hukum ahkam dan undang-undang, dengan tujuan menghalang kerosakan yang berlaku, atau memelihara daripada kerosakan yang dijangka, atau memperbaiki keadaan tertentu.

- Tiada penggunaan istilah al-Siyasah di dalam al-Quran.
- Namun begitu, kalimah “sasa” pernah digunakan oleh Rasulullah SAW di dalam sabdaan Baginda:

ومن شواهدة قول النبي صلى الله عليه وسلم: ((كانت بنو إسرائيل تسوسهم الأنبياء ، كلما هلك نبي ، خلفه نبي ، وإِنَّه لا نبيَّ بعدي)) رواه البخاري ح (٣٤٥٥) ، ومسلم ح (١٨٤٢) ، قال النووي أي : " يتولون أمورهم كما تفعل الأمراء والولاة بالرعية " .

Maksudnya: “Adalah Bani Isra’il itu diperintah oleh para Nabi (AS). Setiap kali wafatnya seorang Nabi, seorang nabi yang lain menggantikannya. Dan sesungguhnya tidak Nabi selepasku.”


Imam al-Nawawi berkata: (Makna (تسوسهم) adalah: “Menjaga urusan mereka sepertimana yang dilakukan oleh para pemerintah dan wali pada rakyat.”

Persaingan Parti Politik (Sesama Para Muslimin) Tidak Termasuk di dalam Siyasa Shariah

INTIPATI / RINGKASAN KATA-KATA SHAYKH 'ALI JUMUAH – BEKAS MUFTI MESIR

Politik ada dua maksud:

- Pertama: Mentadbir dan menjaga masalah rakyat, maka untuk ini, kita akan menyertainya dan bekerjasama untuknya.
- Kedua: Penglibatan parti politik dan perlumbaan sesama mereka, maka kita tidak terlibat di dalam politik sebegini.



Makna siyasah di sisi ulama' terdahulu



Tidak termasuk di dalam makna Siyasa di sisi ulama' terdahulu




*Perbincangan dan diskusi


Ciri-ciri Shariat Islam dan Kaitannya dengan Siyasa Shariah

Ciri-ciri Shariah	Huraian
Umum	Bagi semua manusia pada setiap masa dan di semua tempat
Kekal	Kekal sehingga ke hari Kiamat
Terpelihara	Daripada penyelewengan dan perubahan yang merosakkannya
Holistik	Merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia
Dinamik dan Luas	Meraikan perubahan yang berlaku dalam kehidupan manusia


Berkaitan dengan Siyasa Shariah



5 Komponen Asas Siyasaah Shariah



Komponen Tambahan Siyasaah Shariah



Sumber Penshariatan Siyasaah Shariah

Sumber Teras

- al-Quran
- al-Sunnah
- al-Ijma'
- al-Qiyas

Sumber Deduktif

- al-Masalih al-Mursalah
- al-Istihsab
- Kaedah al-Dhara'i
 - Fath al-Dhara'i
 - Sadd al-Dhara'i
- Uruf
- Meletakkan Pelbagai Dalil pada Tempat Masing-masing
- Kaedah: Hukum Bagi Sesuatu Yang Memberi Manfaat adalah Harus, dan Sesuatu Yang Memudaratkan adalah Haram
- Mengikut Sunnah al-Khulafa' al-Rashidin

Dua Kaedah Fiqh Yang Menjadi Asas Bagi Siyasaah Shariah

Kaedah Pertama

(التصرف على الرعية منوط بالمصلحة)


“Tindak tanduk (pemerintah) ke atas rakyat adalah tertakluk dengan kemaslahatan.”

Kaedah Kedua


(لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان)

“Tidak diingkari perubahan hukum ahkam (fatwa) dengan perubahan masa (masa, tempat, individu, adat dan uruf).”

Ruang Lingkup Siyasaah Shariah

A large, dark red arrow pointing to the right, containing white text.

Perkara yang tidak mempunyai nas yang jelas berkaitannya.

A large, green arrow pointing to the right, containing white text.

Perkara yang mempunyai pelbagai kebarangkalian dan pandangan.

Pembahagian Siyasaah Shariah


Dari sudut hukum:

- Siyasaah yang adil
- Siyasaah yang zalim (haram)


Dari sudut ruang lingkup:

- Berkaitan Sistem Pemerintahan
- Berkaitan Harta
- Berkaitan Wilayah (Hak/Kuasa)
- Berkaitan Hukuman ke atas Jenayah (Uqubah)


Sebahagian ulama'



Sebahagian yang lain:



Prinsip-prinsip Asas Siyasaah Shariah



Contoh-contoh Siyasaah Shariah Klasik

Pengumpulan al-Quran	Saidina Abu Bakr RA
Peperangan dengan golongan yang tidak membayar zakat	Saidina Abu Bakr RA
Pembakaran mushaf-mushaf al-Quran dan penyeragaman al-Quran di atas satu mushaf	Saidina 'Uthman RA
Hukuman bakar ke atas peliwat	Saidina Abu Bakr RA, dengan cadanagn Saidina Ali RA
Memukul Subaygh Ibn 'Asal yang suka bertanya soalan-soalan berkenaan ayat Mutashabihat	Saidina 'Umar RA
Perletakan Baris Huruf al-Quran (Tanqit al-Harakat)	Al-Khalil Ibn Ahmad al-Farahidi (wafat 173 Hijrah)
Meletakkan titik huruf al-Quran (Tanqit al-I'jam)	Yahya Ibn Ya'qmar

Menyerang tentera kafir yang menjadikan tahanan mereka dari kalangan umat Islam sebagai perisai manusia.	Imam al-Ghazali; Jumhur al-Fuqaha'
Keharusan menahan mufti yang majin, doktor yang jahil, kontraktor yang muflis dan lain-lain.	Imam Abu Hanifah
Keharusan membelah perut perempuan hamil yang meninggal dunia sekiranya sangkaan yang kuat bahawa bayi tersebut boleh hidup.	Jumhur Ulama'
Penubuhan Dawawin (atau Daftar Nama Tentera, Para Wali/Pegawai Kerajaan dan Orang-orang Berhajat)	Saidina 'Umar <small>رضي الله عنه</small> , apabila menerima harta yang banyak daripada al-Bahrayn. Riwayat lain: Dicadangkan oleh al-Hurmuzan.
Membina Taqwim/Kalendar Hijrah bagi Umat Islam	Saidina 'Umar r.a., hasil cadangan Abu Musa al-Ashcari <small>رضي الله عنه</small>
Menjadikan hukuman sebatan kepada peminum arak sebanyak 80 kali (40 hudud & 40 ta'zir)	Saidina 'Umar <small>رضي الله عنه</small> , hasil cadangan Saidina 'Abdurrahman Ibn 'Awf <small>رضي الله عنه</small> , dan Saidina 'Ali <small>رضي الله عنه</small> di dalam satu riwayat yang lain.
Penubuhan Dawawin (atau Daftar Nama Tentera, Para Wali/Pegawai Kerajaan dan Orang-orang Berhajat)	Saidina 'Umar <small>رضي الله عنه</small> , apabila menerima harta yang banyak daripada al-Bahrayn. Riwayat lain: Dicadangkan oleh al-Hurmuzan.

Contoh-contoh Siyasaah Shariah Kini

- Kewajipan mengikuti kursus kahwin dan ujian HIV bagi pasangan yang ingin berkahwin.
- Pengharaman pemburuan binatang tertentu pada masa tertentu.
- Mengharuskan pembedahan mayat dengan syarat-syarat tertentu.
- Segala undang-undang dan garis panduan yang tidak bertentangan dengan Shariah.

Contoh-contoh Siyasaah Shariah

- Di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam:
 - Penyaringan sekuriti patuh Shariah berasaskan tanda aras tertentu.
 - Pengiktirafan harta intelek sebagai harta peribadi yang bernilai di sisi Shariah dan undang-undang serta implikasi daripada pengiktirafan tersebut.

Perbincangan

Maqasid Shariah	Siyasah Shar'iyah
Al-Din	Pembangunan Sistem Persekolahan Agama; Infrastruktur Pentadbiran Islam ; Agama Islam agama persekutuan; Melayu beragama Islam; Kuasa agama di bawah Sultan yang muslim
Al-Nafs	Sistem Kesihatan; Hukum gantung buat pengedar dadah;
Al-Aql	Sistem Persekolahan; Kewajipan ibu bapa menghantar anak ke sekolah; Penyediaan biasiswa dan pinjaman
Al-Nasab	Syarat-syarat Perkahwinan dan pendaftaran perkahwinan; pembasmian pelacuran; tangkapan khalwat
Al-Mal	Penubuhan Sistem Tabung Haji; Felda; Dasar Bumiputera

Kesimpulan

- Pencapaian Maqasid Shariah adalah salah satu tanggung jawab penting para pemerintah dan pentadbir.
- Shariat memberikan ruang yang luas kepada pemerintah untuk melakukan sesuatu perkara baru yang baik dan tidak bertentangan dengan Shariah bagi tujuan tersebut.
- Shariah Islam meraikan perubahan yang berlaku di dalam kehidupan manusia.

Terima kasih.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتَمُّ

Allah Maha Mengetahui dan Ilmunya Maha
Sempurna